

24/03/2000

Daim, Aziz kemuka permohonan ketepikan sapina

KUALA LUMPUR, Khamis - Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin dan Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin mengemukakan permohonan untuk mengetepikan sapina hadir sebagai saksi kes liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sehubungan itu, Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Ariffin Jaka menetapkan Selasa ini untuk mendengar permohonan itu.

Peguambela Daim dan Abdul Aziz, Ng Aik Guan memberitahu mahkamah bahawa pihaknya sudah mengemukakan permohonan itu kepada mahkamah semalam.

Daim dan Abdul Aziz menerima sapina itu pada 20 Mac lalu dan perlu hadir ke mahkamah semalam.

Sebelum itu, peguam bela Anwar, Karpal Singh memberitahu mahkamah bahawa Daim dan Abdul Aziz perlu hadir ke mahkamah kerana sapina sudah diserahkan kepada mereka.

Bagaimanapun, katanya, mereka tidak hadir semalam dan hari ini seperti yang dikehendaki oleh sapina itu.

Ariffin memberitahu Karpal bahawa beliau boleh membangkitkan perkara itu apabila Daim dan Abdul Aziz datang ke mahkamah nanti.

Katanya, soal kehadiran mereka semalam juga tidak timbul kerana perbicaraan ditangguhkan semalam.

Sementara itu, Timbalan Kanan Pendakwaraya, Datuk Abdul Gani Patail membantah permohonan Anwar dan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja untuk memanggil Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai saksi dalam kes itu atas alasan tidak mempunyai kaitan.

Abdul Gani berhujah tidak ada keterangan menunjukkan Dr Mahathir mengetahui mengenai diri Sukma Darmawan dan dalam keterangannya Sukma Darmawan tidak pernah menimbulkan perkara itu.

Katanya, Sukma Darmawan dalam keterangannya tidak pernah menyebut mengenai pertemuan Azizian Abu Bakar dengan Dr Mahathir, dan peguamnya tidak pernah menyoal balas Azizian mengenai perkara itu.

Sehubungan itu, katanya, kenapa baru hari ini Sukma Darmawan membangkitkan soal pertemuan Azizian dengan Dr Mahathir.

Abdul Gani berhujah bahawa Sukma Darmawan juga menggunakan kenyataan akhbar Dr Mahathir yang merujuk kepada "seorang" yang mengaku tohmahan terhadap Anwar adalah palsu sebagai alasan untuk memanggil Perdana Menteri sebagai saksi.

Katanya, kenyataan akhbar yang dijadikan barang kes pembela (D41) tidak dapat membantu dan menyokong kes Sukma Darmawan kerana ia tidak mempunyai kaitan.

Karpal berhujah bahawa keterangan Dr Mahathir mempunyai kaitan dengan kes itu kerana ia boleh menyokong keterangan saksi dalam kes berkenaan.

Katanya, keterangan pembelaan Anwar yang menyebut Dr Mahathir perlu disahkan bagi membolehkan membuat perbandingan kesahihannya.

Beliau berkata kehadiran Dr Mahathir penting bagi kes pembelaan kerana Perdana Menteri mengetahui mengenai dakwaan liwat ke atas Anwar.

Sebelum itu, Ariffin membenarkan Abdul Gani berhujah mewakili pendakwa selepas menolak bantahan peguam bela Anwar, Christopher Fernando berhubung kedudukan Abdul Gani dalam prosiding itu.

Fernando membantah Abdul Gani mengemukakan hujah itu atas alasan locus standi (hak dalam undang-undang) kerana Dr Mahathir diperlukan sebagai saksi atas kedudukan peribadinya.

Pada 9 Mac lalu, Anwar mengemukakan afidavit setebal 10 halaman yang

menyatakan 19 alasan mengenai kaitan keterangan Dr Mahathir pada perbicaraan itu.

Sebelum itu, pada 18 Februari lalu, Ariffin memerintahkan pembelaan menunjukkan bahawa keterangan Dr Mahathir itu mempunyai kaitan dengan kes itu sebelum memanggil Perdana Menteri sebagai saksi.

Anwar, 52, dan Sukma Darmawan, 39, dituduh meliwat Azizan di unit nombor 10-7-2, pangsapuri Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bangsar, pada satu malam jam 7.45, di antara Januari hingga Mac 1993.

Bagi tuduhan itu, Anwar dan Sukma Darmawan didakwa mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Sukma Darmawan yang dihukum penjara enam bulan pada 19 September 1998 kerana membenarkan Anwar meliwatnya, juga didakwa atas tuduhan bersubahat dengan Anwar melakukan persetubuhan luar tabii dengan Azizan.

Anwar kini menjalani hukuman penjara enam tahun sejak 14 April lalu selepas didapati bersalah atas empat tuduhan melakukan amalan rasuah pada 1997.

(END)